



2023

LAPORAN TAHUNAN KWSMP

KANDUNGAN



PENGENALAN

2

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

5

**PROJEK-PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN
KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL
PEMBETUNGAN (KWSMP)**

7

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2023

15


**PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAHIR
31 DISEMBER 2023**

18

**ANALISA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN
WANG SUMBANGAN MODAL PEMBTUNGAN
(KWSMP) TAHUN 2023**

43

1.0 PENGENALAN



Akta 655

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP) telah ditubuhkan di bawah seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan) 2011 mulai 1 Januari 2011.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merupakan pengawal dan pengendali KWSMP selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 172(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Seksyen 172(2) Akta 655 menjelaskan bahawa KWSMP hendaklah terdiri daripada apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh pemaju atau orang yang membina:

- (a) bangunan dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pembedung awam;
- (b) tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya; dan
- (c) tangki septik individu atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.

Pembayaran KWSMP ini hendaklah mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan) (Pindaan) 2012. Kadar sumbangan mengikut Peraturan adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Kadar Sumbangan
1	Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan yang berikut dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pembedung awam: (a) bangunan yang diniatkan untuk dijual dan telah dijual; (b) bangunan kediaman yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual; (c) bangunan yang tidak diniatkan untuk dijual; dan	1.00% daripada harga jualan setiap unit. 1.00% daripada harga jualan setiap unit. (i) 1.00% daripada nilai pasaran setiap unit dalam suatu projek bukan kerajaan; dan (ii) 1.00% daripada kos kontrak setiap unit dalam suatu projek kerajaan.

Bil	Kategori	Kadar Sumbangan
1	(d) bangunan yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual, tidak termasuk bangunan kediaman dalam perenggan (b).	(i) 1.00% daripada nilai pasaran setiap unit dalam suatu projek bukan kerajaan; dan (ii) 1.00% daripada kos kontrak setiap unit dalam suatu projek kerajaan.
2	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya.	RM5 bagi setiap bilangan penduduk setara.
3	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.	RM120 bagi setiap bilangan penduduk setara.

Jadual 1: Kadar Sumbangan Bagi Bangunan Selain Bangunan Spesifik

Bil	Kategori	Kadar Sumbangan
1	Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan spesifik yang berikut dan menyambungkan bangunan spesifik itu ke suatu pembetung awam: (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (d) bangunan komuniti (e) bangunan kebajikan	RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap bangunan RM100 bagi setiap bangunan
2	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut: (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (d) bangunan komuniti (e) bangunan kebajikan	RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap bangunan RM100 bagi setiap bangunan

Bil	Kategori	Kadar Sumbangan
3	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut: (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (d) bangunan komuniti (e) bangunan kebajikan	RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap bangunan RM100 bagi setiap bangunan


Jadual 2: Kadar Sumbangan Bagi Bangunan Spesifik

Menurut seksyen 172(3) Akta 655, perbelanjaan dana KWSMP hendaklah bagi maksud berikut:

- (a) untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembetungan awam;
- (b) untuk melaksanakan sistem pembetungan serantau; atau
- (c) apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.



2.0 JAWATANKUASA-JAWATANKUASA



2.1 JAWATANKUASA KEWANGAN DAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)

Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), Suruhanjaya telah menubuhkan **Jawatankuasa Kewangan dan KWSMP (JKKWSMP)** yang berperanan untuk memutuskan hal ehwal berkenaan dengan pengurusan kewangan SPAN dan juga pengurusan dana KWSMP. Fungsi JKKWSMP adalah seperti berikut:

- a. Meluluskan perkara-perkara berkaitan urusan kewangan Kumpulan Wang SPAN dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP);
- b. Mengesyorkan kepada Suruhanjaya prosedur dan tatacara berkaitan dengan urusan kewangan, perolehan dan pengurusan aset;
- c. Mengesyorkan kepada Suruhanjaya bajet SPAN dan apa-apa bajet tambahan untuk kelulusan Menteri;
- d. Meluluskan pindah peruntukan;
- e. Meluluskan laporan kewangan suku tahun (pendapatan dan perbelanjaan) SPAN dan KWSMP;
- f. Mengesyorkan kepada Suruhanjaya penyata kewangan SPAN dan KWSMP untuk diaudit;
- g. Meluluskan laporan Jawatankuasa Pengurusan Aset SPAN;
- h. Mempertimbangkan dan memutuskan dasar penggunaan dana KWSMP selaras dengan seksyen 172 Akta 655;
- i. Mempertimbangkan dan memutuskan bajet perbelanjaan tahunan KWSMP, perkara berkaitan perubahan skop dan kos projek serta segala urusan pembayaran dari akaun KWSMP; dan
- j. Meluluskan apa-apa rayuan berhubung dengan sumbangan KWSMP.

2.2 JAWATANKUASA PENILAIAN UTAMA (JAKPEN UTAMA)

Jawatankuasa penilaian ini berperanan untuk menyemak dan menilai permohonan daripada pemaju seperti *offset* KWSMP pembayaran dengan kerja kos menaik taraf sistem pembetulan awam yang telah dibuat, permohonan tuntutan balik bayaran dan permohonan kelonggaran kadar bayaran berdasarkan kategori tertentu yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan) (Pindaan) 2012.

Permohonan-permohonan hendaklah dinilai dan diangkat ke JKKWSMP untuk diluluskan.

2.3 MESYUARAT JAWATANKUASA BAGI 2023

Sepanjang 2023, Jawatankuasa Penilaian Utama (JAKPen Utama) telah bersidang sebanyak lima (5) kali bagi membincangkan sebanyak 78 kes rayuan KWSMP seperti dalam Jadual 3.

Bilangan Mesyuarat	Offset	Pemulangan	Ansuran	Lain-lain	Jumlah
Bil. 1/2023	16	2	2	2	22
Bil. 2/2023	13	2	1	1	17
Bil. 3/2023	10	1	-	2	13
Bil. 4/2023	7	3	-	2	12
Bil. 5/2023	12	2	-	-	14
Jumlah	58	10	3	7	78


Jadual 3: Bilangan kes rayuan KWSMP yang dibentangkan di JAKPen Utama

Kes rayuan KWSMP yang dibentangkan dalam Mesyuarat JAKPen Utama kemudiannya dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (JKKWSMP) untuk kelulusan. Butiran kes yang dibawa ke JKKWSMP seperti dalam Jadual 4.

Bilangan Mesyuarat	Offset	Pemulangan	Ansuran	Lain-lain	Jumlah
Bil. 1/2023	16	3	-	1	20
Bil. 2/2023	12	2	-	-	14
Bil. 3/2023	10	1	-	1	12
Bil. 5/2023	7	3	-	2	12
Jumlah	45	9	-	4	58

Jadual 4: Bilangan kes rayuan KWSMP yang dibentangkan di JKKWSMP

3.0 PROJEK - PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP



Setakat 31 Disember 2023, terdapat 29 projek yang masih dalam pelaksanaan telah dibiayai di bawah KWSMP. Projek di bawah KWSMP dikategorikan kepada tujuh (7) skop utama seperti yang berikut. Setakat 31 Disember 2023, terdapat 29 projek yang masih dalam pelaksanaan telah dibiayai di bawah KWSMP. Projek di bawah KWSMP dikategorikan kepada tujuh (7) skop utama seperti yang berikut.

- a. Kerja-kkerja Penambahbaikan dan Pembaikan pada Sistem Pembetungan sedia ada
- b. Kerja-kkerja Penambahbaikan dan Penaiktarafan Loji Rawatan Pembetungan
- c. Penggantian Peralatan, Instrumentasi dan Sistem Pembetungan
- d. Penambahbaikan Sistem Pembetungan yang telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)
- e. Pelaksanaan Sistem Pembetungan Serantau
- f. Peningkatan Pengurusan Sistem Pembetungan
- g. Lain-lain atau Kerja-kkerja Kecemasan untuk Pembetungan

Projek pembetungan yang dilaksanakan di bawah KWSMP memfokuskan kepada penambahbaikan efluen yang dilepaskan mengikut standard terkini seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pembetungan) 2009. Selain itu, projek-projek ini juga dijangka dapat mengatasi isu pencemaran yang disebabkan oleh aset pembetungan yang rosak akibat keuzuran dan mengurangkan aduan orang ramai. Tambahan pula, ia juga dapat mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan yang ditanggung oleh IWK bagi mengurangkan masalah yang berlaku.

Pelaksanaan projek-projek ini dijangka memberi impak kepada sektor seperti yang berikut.



Alam Sekitar

- Mengurangkan sumber titik pencemaran dengan merasionalisasikan loji rawatan kumbahan awam yang berkapasiti kecil kepada loji rawatan kumbahan serantau
- Mengatasi masalah pencemaran akibat sisa kumbahan dari paip kumbahan yang pecah



Operator Pembetungan

- Mengurangkan bilangan aduan pengguna
- Mengurangkan perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan berikutan kerja-kkerja mitigasi yang tidak diperlukan
- Meningkatkan tahap perkhidmatan



Pengguna

- Adaptasi pelepasan sifar daripada kaedah air pulih guna bagi kegunaan industri (kos yang lebih rendah berbanding air terawat).

Jadual 5 menunjukkan 29 projek pementungan yang masih dalam pelaksanaan yang dibiayai di bawah Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pementungan (KWSMP) pada 2023 dengan jumlah kos siling sebanyak RM430,221,889.43.

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
a	Kerja-kerja penambahbaikan dan pembaikan pada sistem pementungan awam sedia ada		
1	Cadangan pembinaan rangkaian paip pementungan di kawasan Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan. Tempoh pelaksanaan: 14 September 2015 – 15 November 2022 (88 bulan). Lulus untuk lanjutan masa sehingga 21 Februari 2024.	IWK	54,061,773.00
2	Cadangan kerja-kerja mengubahsuai sistem pementungan Taman Orkid (PDN102), Port Dickson, Negeri Sembilan. Tempoh pelaksanaan: 1 Ogos 2021 – 31 Januari 2023 (18 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	1,862,272.50
3	Cadangan kerja-kerja membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Abang (TDN037), Dungun, Terengganu. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2021 – 31 Januari 2023 (16 bulan). Lulus untuk lanjutan masa pertama: 1 Februari 2022 – 16 Jun 2023 (5.5 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	4,160,000.00
4	Cadangan kerja-kerja mengubahsuai sistem pementungan Taman Seputeh (KLR348), Kuala Lumpur. Tempoh pelaksanaan: 1 Ogos 2021 – 31 Januari 2023 (18 bulan). Lulus untuk lanjutan masa ke-3: 2 November 2023 – 13 Mac 2024 (4.5 bulan).	IWK	2,660,206.00
5	Cadangan kerja-kerja mengubahsuai sistem pementungan Persiaran Kuala Selangor (SAM265), Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Tempoh pelaksanaan: 1 Julai 2022 – 31 Disember 2024 (30 bulan).	IWK	17,490,849.50

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
6	Cadangan kerja-kerja mengubahsuai Loji Rawatan Kumbahan Bandar Bukit Beruntung (GUS107), Selangor. Tempoh pelaksanaan: 1 Mei 2022 – 30 April 2023 (12 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	588,200.00
7	Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Jenis Pakej di: (i) Taman Temiang Murni (MUN108), Muar, Johor; (ii) Taman Sri Jeram Fasa 1 (AGH101), Alor Gajah, Melaka; (iii) Kulim Hi-Tech Zone C (KIM18), Kulim, Kedah; (iv) Park Kampung Gajah III (PPT033), Kampung Gajah, Perak; (v) Taman Suria Permai (TPG172), Taiping, Perak; (vi) MDU Tanah Hitam (IPH419), Ipoh, Perak. Tempoh pelaksanaan: 1 Mei 2022 – 30 April 2024 (24 bulan).	IWK	16,828,938.50
8	Cadangan mengubahsuai dan memasang paip pembedahan Taman Seri Kota (NRU078), Rembau, Negeri Sembilan. Tempoh pelaksanaan: 1 Mei 2022 – 30 April 2023 (12 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	700,100.00
9	Cadangan mengubahsuai sistem pembedahan (KLR030) di persimpangan Jalan Ampang / MRR2, Kuala Lumpur – Kategori 1B. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 31 Mac 2025 (18 bulan).	IWK	9,820,000.00
10	Cadangan mengubahsuai sistem pembedahan (PJA227) di Jalan 10/1, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor – Kategori 1B. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 31 Mac 2025 (18 bulan).	IWK	5,780,000.00
11	Cadangan mengubahsuai sistem pembedahan Taman Desa Aman (IPH084), Ipoh, Perak – Kategori 1B. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 Jun 2025 (21 bulan).	IWK	6,400,000.00

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
12	Cadangan menambah baik cerun di Taman Pedah Permai (HJT015), Jerantut, Pahang – Kategori 1A. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	507,000.00
13	Cadangan menaik taraf loji rawatan kumbahan di Loji Rawatan Kumbahan Serantau Menglembu (IPH178), Ipoh, Perak – Kategori 2. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 - 31 Mac 2025 (18 bulan).	IWK	2,900,000.00
b	Kerja-kerja menambah baik dan menaik taraf loji rawatan kumbahan		
14	Kerja-kerja menaik taraf 644 loji rawatan kumbahan perenggan III Standard A kepada perenggan I Standard A Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Tempoh pelaksanaan: 13 November 2020 – 12 November 2022 (24 bulan). Lulus untuk lanjutan masa ke-2: 10 November 2023 – 30 Jun 2024 (8 bulan).	IWK	142,800,000.00
c	Penggantian peralatan, instrumentasi dan sistem pembeduan		
15	Kerja-kerja penggantian / pemasangan peralatan dan Instrumen (kumpulan ke-2) – Kategori 1A.		
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 1). Tempoh pelaksanaan: 1 Julai 2023 – 30 Jun 2024 (12 bulan).	IWK	9,974,844.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 2). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	8,743,870.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 3). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	9,872,526.00

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 4). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	9,611,940.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 5). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	9,652,832.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 6). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	8,365,460.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 7). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	9,251,900.00
	Pembelian dan penggantian peralatan dan/atau instrumen di loji rawatan kumbahan awam terpilih di Semenanjung Malaysia (Pakej 8). Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan).	IWK	8,253,703.00
d	Penambahbaikan sistem pemetungan yang telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)		
16	Cadangan untuk kerja-kerja siasatan CCTV rangkaian pemetungan Lembah Beringin (GUS161), Hulu Selangor, Selangor. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2021 – 31 Julai 2022 (10 bulan). Lulus untuk lanjutan masa pertama: 1 Ogos 2022 – 31 Januari 2023 (6 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	1,818,804.74

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
17	Cadangan untuk membaik pulih dan menaik taraf loji rawatan kumbahan bagi kawasan di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Johor (Fasa 1). Tempoh pelaksanaan: 1 Mei 2022 – 31 Oktober 2022 (6 bulan). Lulus untuk lanjutan masa pertama: 1 November 2022 – 15 April 2023 (6 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	8,306,938.53
18	Cadangan untuk membaik pulih dan menaik taraf loji rawatan kumbahan bagi kawasan di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Johor (Fasa 1B). Tempoh pelaksanaan: 1 Januari 2024 – 31 Disember 2024 (12 bulan).	IWK	9,930,625.00
19	Cadangan untuk mengubahsuai paip pembetungan (sistem vakum kepada sistem graviti) bertempat di Bandar Parkland PS1 VS1, Klang, Selangor. (Perkongsian kos dengan WCT Land Sdn Bhd. SPAN akan mengeluarkan geran hanya selepas 50% daripada jumlah kos projek telah dibayar oleh WCT Land Sdn Bhd) Tempoh pelaksanaan: 1 November 2022 – 30 April 2024 (18 bulan).	IWK	17,206,900.00
e	Pelaksanaan sistem pembetungan serantau		
20	Cadangan untuk melaksanakan sambungan hartanah Fasa 4 ke sistem pembetungan serantau di kawasan tadahan Pantai Tengah, Langkawi. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2021 – 30 September 2023 (24 bulan). Lulus untuk lanjutan masa pertama: 1 Oktober 2023 – 31 Mac 2024 (6 bulan).	IWK	7,521,759.00
21	Cadangan kajian perundingan untuk melaksanakan mini rasionalisasi daripada Loji Rawatan Kumbahan Taman Sejati (SPI576) dan Loji Rawatan Kumbahan Taman Bayu Mutiara (SPI514) ke Loji Rawatan Kumbahan Bukit Mertajam (SPI507), Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tempoh pelaksanaan: 1 Mei 2022 – 31 Januari 2025 (33 bulan).	IWK	9,968,146.00

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
22	Cadangan rasionalisasi loji rawatan kumbahan ke rangkaian pembetulan awam sedia ada di Taman Keramat dan Pangsapuri AU2, Selangor (Fasa 1).	IWK	
	Pakej 1: Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 30 September 2025 (24 bulan).		3,707,831.00
	Pakej 2: Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2025 – 31 Mei 2027 (20 bulan).		2,292,169.00
f	Peningkatan pengurusan sistem pembetulan		
23	Perkhidmatan perundingan bagi menjalankan kajian mengenai penilaian wajar untuk pewujudan entiti tunggal bagi menyediakan perkhidmatan bekalan air dan pembetulan di Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan: 5 Januari 2022 – 4 Julai 2022 (6 bulan). Lulus untuk lanjutan masa ke-4: 30 November 2023 – 19 Februari 2024 (2.5 bulan).	SPAN	1,356,285.00
24	Cadangan untuk mereka bentuk, membekal, menghantar, memasang, migrasi, mengintegrasikan, menguji, menyediakan latihan, mentauliahkan dan menyenggarakan pembangunan sistem e-KWSMP. Tempoh pelaksanaan: 7 Julai 2022 – 22 Disember 2022 (6 bulan). Lulus untuk lanjutan masa ke-4: 30 Disember 2023 – 1 Julai 2024 (7 bulan).	SPAN	1,701,016.66
g	Lain-lain atau kerja-kerja kecemasan untuk pembetulan		
25	Cadangan kerja-kerja pemulihan aset pembetulan selepas banjir pada 18 – 21 Disember 2021 dan dokumentasi di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Tempoh pelaksanaan: 2022 – 2023 (24 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	10,000,000.00

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos Siling (RM)
26	Cadangan projek nyahenap cemar di Pulau Perhentian, Terengganu. Tempoh pelaksanaan: 5 Ogos 2022 – 4 Mei 2023 (9 bulan). Lulus untuk lanjutan masa pertama: 5 Mei 2023 – 30 September 2023 (5 bulan). Projek ini telah siap dilaksanakan.	IWK	3,035,000.00
27	Cadangan membaik pulih sistem pembetulan di bawah Kementerian Kesihatan. Tempoh pelaksanaan: 1 Oktober 2023 – 31 Disember 2024 (15 bulan).	IWK	9,400,000.00
28	Cadangan mengubahsuai sistem pembetulan di Jalan SS15/4 dan SS15/8, Subang Jaya, Selangor. Tempoh pelaksanaan: 2 Januari 2024 – 1 Jun 2024 (6 bulan).	IWK	2,740,000.00
29	Kerja-kerja membaik pulih Loji Rawatan Kumbah (PTG105) akibat tanah runtuh di Taman Wawasan, Pusat Bandar Puchong, Selangor. Tempoh pelaksanaan: 9 Januari 2024 – 8 Julai 2024 (6 bulan).	IWK	950,000.00
Jumlah Keseluruhan			430,221,889.43



Jadual 5: Projek-projek di bawah KWSMP sehingga 2023

Sistem e-KWSMP dalam talian merupakan satu platform digital baharu dibangunkan bagi mengurus dan penyelia Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP). Inisiatif ini dibiayai di bawah dana KWSMP.

Setelah sistem ini selesai dibangunkan, maka segala urusan penyerahan, pengesahan, pemprosesan, keputusan, pembayaran serta pemantauan jaminan bank akan dilaksanakan secara dalam talian.

Platform digital ini akan memanfaatkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan industri perkhidmatan air negara secara am bagi jangka masa panjang. Antaranya adalah mengukuhkan integriti SPAN dengan mengurangkan interaksi bersemuka antara pegawai dan pihak luar. Dengan platform digital ini juga, tanggungan pegawai SPAN dapat dikurangkan memandangkan segala maklumat dan dokumen akan dimuat naik oleh pemohon serta proses semakan dan penilaian akan dilaksanakan secara dalam talian dengan simpanan rekod yang lebih berkesan. Sistem ini dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada suku ke-2 tahun 2024.

4.0 PRESTASI KEWANGAN 2023




Carta 1: Kutipan Tahunan KWSMP

Kutipan terkumpul KWSMP dari tahun 2011 sehingga 2023 adalah sebanyak RM3.89 bilion. Merujuk kepada Carta 1, jumlah kutipan sebelum tolak pulangan bagi 2023 adalah RM416.91 juta, meningkat sebanyak 7.17 peratus berbanding kutipan sebelum tolak pulangan pada 2022.

Daripada jumlah kutipan KWSMP pada 2023 tersebut, sebanyak RM27,134,420 telah dipulangkan kepada pemaju atas sebab seperti yang berikut:


- Offset* pembayaran KWSMP untuk menaik taraf sistem pembetulan awam sedia ada;
- Lebih bayaran oleh pemaju selepas proses pengesahan;
- Bayaran prorata untuk tambahan kepada Penduduk Setara (PE) sedia ada; dan
- Bayaran berdasarkan kadar sumbangan bagi kategori yang berbeza.

Oleh yang demikian, jumlah kutipan selepas tolak pulangan ialah sebanyak RM389,775,730 bagi tahun 2023.



Carta 2: Kutipan KWSMP bagi 2023 mengikut negeri


Carta 2 menunjukkan jumlah kutipan KWSMP bagi 2023 mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hasil kutipan tertinggi adalah daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan jumlah kutipan sebanyak RM246.63 juta (59.16 peratus), disusuli dengan Selangor sebanyak RM84.24 (20.21 peratus) dan Pulau Pinang sebanyak RM32.61 juta (7.82 peratus). Kutipan tertinggi diperoleh dari ketiga-tiga negeri ini didorong atas faktor kepesatan pembangunan bagi memenuhi permintaan dan kehendak penduduk setempat dan juga nilai hartanah yang sememangnya tinggi bagi kawasan ini.



Carta 3: Pecahan Sumber Sumbangan KWSMP Tahun 2023


Carta 3 menunjukkan pecahan kutipan KWSMP bagi 2023 mengikut kategori. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kutipan tertinggi adalah daripada kategori sambungan ke sistem pembetungan awam sebanyak RM397.26 juta (95.29 peratus), diikuti dengan kategori tangki septik individu sebanyak RM9.12 juta (2.19 peratus), kategori menaik taraf loji iaitu sebanyak RM7.78 juta (1.87 peratus) dan akhir sekali kategori kemudahan enap cemar dan lain-lain sebanyak RM2.75 juta (0.66 peratus).

PENYATA KEWANGAN



BAGI TAHUN BERAKHIR

31 DISEMBER 2023





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan berdasarkan keperluan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.




(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 OKTOBER 2024



PENYATA Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara



Kami, **Charles Anthony a/l R. Santiago** dan **Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedanaan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:

A handwritten signature in blue ink, appearing to read 'Charles Anthony'.

.....
CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
Pengerusi


Tarikh : 06 JUN 2024

A handwritten signature in blue ink, appearing to read 'Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman'.

.....
DATO' HAJI AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh : 06 JUN 2024

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN



Saya, Bukhari bin Abdul Rahman, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di)

Tarikh :

06 JUN 2024

CYBERJAYA
SELANGOR

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Bukhari'.

BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN


No. Kad Pengenalan : 721119-02-5839

Di hadapan saya,



Level 3 & 4, Wisma Suria
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor
Malaysia


PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023



	Nota	2023 RM	2022 RM
Aset Semasa			
Penghutang	5	2,838,424	5,776,488
Keuntungan terakru	6	78,330,490	15,696,981
Pelaburan jangka pendek	7	3,517,800,000	970,200,000
Tunai dan kesetaraan tunai	8	36,087,878	2,244,956,134
Jumlah aset semasa		3,635,056,792	3,236,629,603
JUMLAH ASET		3,635,056,792	3,236,629,603
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	9	25,104,484	15,930,959
Peruntukan cukai		21,925,911	5,337,890
Peruntukan zakat		5,323,056	3,449,982
Akruan		25,773	23,128
Jumlah liabiliti semasa		52,379,224	24,741,959
JUMLAH LIABILITI		52,379,224	24,741,959
ASET BERSIH		3,582,677,568	3,211,887,644
ASET BERSIH / EKUITI			
Lebihan Berkumpul		3,582,677,568	3,211,887,644
JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI		3,582,677,568	3,211,887,644

Nota-nota yang disertakan di muka surat 27 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.


PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



	Nota	2023 RM	2022 RM
HASIL			
Hasil urus niaga pertukaran	10	432,307,274	345,073,406
BELANJA			
Perkhidmatan dan bekalan	15	17,613,054	15,026,997
Caj bank		57	169
Hutang Ragu		66,866	71,425
JUMLAH BELANJA		17,679,977	15,098,591
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		414,627,297	329,974,815
TOLAK: CUKAI DAN ZAKAT	16	(43,837,373)	(24,184,320)
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT		370,789,924	305,790,495
Dipegang oleh:			
Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan		370,789,924	305,790,495

Nota-nota yang disertakan di muka surat 27 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.


PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



	Jumlah aset bersih RM
Baki pada 1 Januari 2022	2,906,097,149
Lebihan bagi tahun selepas cukai dan zakat	305,790,495
Jumlah hasil dan belanja diiktiraf bagi tahun kewangan	305,790,495
Baki pada 31 Disember 2022	3,211,887,644
Lebihan bagi tahun selepas cukai dan zakat	370,789,924
Jumlah hasil dan belanja diiktiraf bagi tahun kewangan	370,789,924
Baki pada 31 Disember 2023	3,582,677,568

Nota-nota yang disertakan di muka surat 27 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.


PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan sebelum cukai dan zakat	414,627,297	329,974,815
Pelarasan:		
Keuntungan Simpanan Tetap dan REPO	(136,491,148)	(76,429,985)
Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja	278,136,149	253,544,830
Pergerakan bukan tunai:		
Penurunan dalam penghutang	2,938,064	8,401,569
Peningkatan dalam pemiutang	9,173,525	3,899,927
Peningkatan dalam akruan	2,645	-
	290,250,383	265,846,326
Terimaan lebihan cukai	-	2,827,306
Cukai dan zakat	(25,376,278)	(18,243,509)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	264,874,105	250,430,123
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pelaburan jangka pendek	(2,547,600,000)	1,893,700,000
Keuntungan Simpanan Tetap/REPO dan Terakru	73,857,639	86,351,899
Aliran Tunai bersih (yang digunakan dalam)/diperolehi dari aktiviti pelaburan	(2,473,742,361)	1,980,051,899
(Penurunan)/Peningkatan bersih tunai dan setara tunai	(2,208,868,256)	2,230,482,022
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	2,244,956,134	14,474,112
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	36,087,878	2,244,956,134

Nota-nota yang disertakan di muka surat 27 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023




BAJET MENGURUS	2023				2022			
	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	Beza Sebenar dengan Asal RM	%	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	Beza Sebenar dengan Asal RM	%
Terimaan								
Fi KWSMP	300,000,000	389,775,729	89,775,729	29.9	300,000,000	374,601,214	74,601,214	24.9
Pendapatan Keuntungan	100,000,000	136,491,148	36,491,148	36.5	80,000,000	76,429,985	-3,570,015	-4
Lain-lain hasil	-	-	-	-	-	1,100	1,100	100.0
Jumlah Terimaan	400,000,000	526,266,877	126,266,877	32	380,000,000	451,032,299	71,032,299	19
Bayaran								
Kos Projek Selangor	17,550,000	19,000,564	1,450,564	8.3	32,093,318	25,219,865	-6,873,453	-21.4
Kos Projek Pahang	239,424	239,424	-	-	423,461	423,461	-	-
Kos Projek Perak	3,000,000	4,138,391	1,138,391	37.9	1,602,991	758,370	-844,621	-52.7
Kos Projek Kelantan	2,200,000	2,058,631	-141,369	-6.4	4,890,528	375,736	-4,514,792	-92.3
Kos Projek Labuan	1,000,000	283,818	-716,182	-71.6	1,356,285	129,631	-1,226,654	-90.4
Kos Projek Negeri Sembilan	8,900,000	5,685,063	-3,214,937	-36.1	10,842,735	2,202,927	-8,639,808	-79.7
Kos Projek Melaka	-	-	-	-	165,133	-	-165,133	-100.0
Kos Projek Pulau Pinang	2,000,000	803,883	-1,196,117	-59.8	5,972,888	-	-5,972,888	-100.0
Kos Projek Kedah	4,000,000	3,205,666	-794,334	-19.9	5,562,620	909,620	-4,653,000	-83.6
Kos Projek Johor	10,306,939	9,081,605	-1,225,334	-11.9	165,133	-	-165,133	-100.0
Kos Projek Terengganu	2,500,000	1,911,243	-588,757	-23.6	2,220,959	664,212	-1,556,747	-70.1
Kos Projek Wilayah Persekutuan	66,073,298	47,551,314	-18,521,984	-28.0	136,627,147	75,275,071	-61,352,076	-44.9
Bekalan dan Perkhidmatan	15,000,000	17,679,977	2,679,977	17.9	12,000,000	15,098,592	3,098,592	25.8
Kenaan Cukai dan Zakat	21,800,000	43,837,373	22,037,373	>100	21,800,000	24,184,320	2,384,320	10.9
Jumlah Bayaran	154,569,661	155,476,952	907,291	1	235,723,198	145,241,805	-90,481,393	-38
LEBIHAN BERSIH	245,430,339	370,789,925	125,359,586	51	144,276,802	305,790,494	161,513,692	112

Justifikasi bagi varian peratusan yang kurang 50%:

Bayaran:

Semua kos projek di bawah varian berperatusan -50% adalah disebabkan perbelanjaan sebenar dibuat berdasarkan tuntutan kemajuan projek.

Nota-nota yang disertakan di muka surat 27 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.



1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Maklumat am

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (“Kementerian”). Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Alamat Suruhanjaya adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Berdasarkan kepada Seksyen 172(4) dan (5) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], tahun kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) bagi tahun 2023 bermula dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Penyata Kewangan KWSMP bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 6 Jun 2024.

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan.

Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan (Nota 4 kepada Penyata Kewangan).

(c) Pertimbangan dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan) 2010 mulai 1 Januari 2011.

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Suruhanjaya) akan mengurus, mengawal dan mengendalikan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) mulai 1 Januari 2011.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan KWSMP bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi KWSMP dan menguruskan risiko kredit, kadar keuntungan, tukaran asing dan kecairan.

KWSMP beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh KWSMP dan dasar KWSMP adalah untuk tidak melibatkan KWSMP dalam urus niaga spekulatif.

(a) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. KWSMP mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan KWSMP dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(b) Risiko kredit

KWSMP mengamalkan polisi di mana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen. Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan kepada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (Sambungan)

(c) Risiko kadar keuntungan

KWSMP terdedah kepada risiko kadar keuntungan yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan sebuah institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. KWSMP boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar keuntungan yang timbul daripada perubahan kadar keuntungan.

KWSMP mengurus risiko kadar keuntungannya dengan meletakkan baki berkenaan di institusi kewangan berlainan serta mengikut terma kematangan dan kadar keuntungan yang berbeza-beza.

(d) Keuntungan terakru

Pendapatan keuntungan diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Penyata kewangan KWSMP telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi sektor awam iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) mulai tahun 2019.

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali sepertimana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan penting dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

KWSMP telah memilih untuk menggunakan piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2019 seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

(a) Pemakaian MPSAS

MPSAS yang diguna pakai oleh KWSMP adalah seperti berikut:

- MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 - Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 - Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 9 - Hasil Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 14 - Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 20 - Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 24 - Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan.
- MPSAS 28 - Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 - Instrumen Kewangan: Pendedahan

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(b) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan.

Peruntukan khas bagi hutang ragu dibuat berasaskan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang daripada akaun tertentu yang dikenalpasti. Hutang lapuk dilupuskan di dalam tahun apabila ianya dikenalpasti dan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya.

Hutang Ragu adalah merujuk kepada hasil tertunggak melebihi 3 tahun dan tiada kelulusan penjadualan semula bagi kutipan hasil tersebut. Peruntukan Hutang Ragu ditetapkan pada kadar sebanyak 5% - 25% daripada baki penghutang bagi hutang atau hasil yang tidak dapat dikutip dengan pengumuran bermula dari tempoh tiga (3) tahun ke atas sehingga (6) tahun ke bawah.

Peruntukan hutang lapuk (hapuskira) adalah direkodkan secara keseluruhan (100%) ke atas baki penghutang selepas mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Senarai pengumuran penghutang dari tempoh (6) tahun dan ke atas; dan
- ii. Individu telah disahkan meninggal dunia; atau
- iii. Syarikat telah digulung yang telah disahkan oleh Jabatan Insolvensi; atau
- iv. Sebab lain yang berkaitan.

Pengiraan hutang ragu telah dibuat sebanyak 5% ke atas baki 4 penghutang yang telah digulungkan dalam tahun berakhir 31 Disember 2023 dengan jumlah sebanyak RM66,865.60.

(c) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

(d) Pelaburan jangka pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(e) Pengiktirafan pendapatan

Semua Hasil Urusniaga Pendapatan dikira atas dasar akruan. Pendapatan kutipan sumbangan diiktiraf apabila kutipan telah dimuktamadkan. Hasil Urusniaga Pendapatan Perkhidmatan terdiri daripada kutipan sumbangan KWSMP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

(f) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

(g) Urus niaga pihak berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

(h) Instrumen kewangan

(i) Aset kewangan dan aset liabiliti

KWSMP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung rugi dan pelunasan kos.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana KWSMP bertekad untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan tidak akan diperakui apabila hak untuk memperoleh aliran tunai yang dijana dari pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan KWSMP telah memindahkan semua risiko dan manfaat pemilikan secara keseluruhannya.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Instrumen kewangan (Sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran (Sambungan)

Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah keuntungan efektif.

Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai saksama 'aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi' dinyatakan dalam laporan penyata prestasi kewangan dibawah kategori lain-lain untung/rugi bersih pada tempoh semasa. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan apabila KWSMP telah mendapat hak untuk menerima bayaran.

(iii) Penjejasan aset kewangan

(a) Aset direkodkan pada kos pelunasan

KWSMP menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan samada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami penjejasan nilai.

Aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan KWSMP untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
- Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan keuntungan atau bayaran pokok;
- KWSMP, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
- Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturan semula kewangan;
- Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
- Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenalpasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Instrumen kewangan (Sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan (Sambungan)

(a) Aset direkodkan pada kos pelunasan (Sambungan)

Kriteria yang digunakan KWSMP untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi (Sambungan):

- a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
- b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio

KWSMP terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan diantara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar keuntungan berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak.

Secara praktikalnya, KWSMP dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati. Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, KWSMP menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung. Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah keuntungan efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dipadamkan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipinda, dimana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

5. PENGHUTANG

	2023 RM	2022 RM
Penghutang operasi	2,976,714	5,847,913
Peruntukan hutang ragu	(138,290)	(71,425)
	2,838,424	5,776,488
Belum tertunggak dan tidak dirosot nilai	1,434,246	4,276,566
3 hingga 6 tahun dan dirosot nilai	1,404,178	1,499,922
	2,838,424	5,776,488

6. KEUNTUNGAN TERAKRU

Keuntungan terakru adalah terdiri daripada keuntungan deposit yang dibuat di bank berlesen.

7. PELABURAN JANGKA PENDEK

Kadar keuntungan bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 4.00% hingga 4.30% setahun (2022: 3.20% - 3.65%). Tempoh matang deposit tetap adalah dua belas (12) bulan. Deposit simpanan tetap dengan bank-bank berlesen seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Affin Bank Berhad	547,520,000	-
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	-	28,000,000
Bank Islam Malaysia Berhad	157,800,000	330,000,000
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	388,900,000	-
Bank Simpanan Nasional	137,000,000	-
Bank Muamalat Malaysia Berhad	773,800,000	269,400,000
CIMB Bank Berhad	161,000,000	5,000,000
MBSB Bank Berhad	550,000,000	242,800,000
Alliance Islamic Bank Berhad	76,220,000	-
RHB Bank Berhad	706,600,000	-
SME Development Bank	18,960,000	95,000,000
	3,517,800,000	970,200,000

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan baki di bank dan simpanan tetap. Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada amaun penyata kedudukan kewangan yang berikut:

	2023 RM	2022 RM
Deposit di bank berlesen		
- Simpanan jangka pendek	-	2,228,000,000
Baki di bank	36,087,878	16,956,134
	36,087,878	2,244,956,134

9. PEMIUTANG

	2023 RM	2022 RM
Pemiutang operasi	21,570,914	14,366,967
Wang tahanan	3,533,570	1,563,992
	25,104,484	15,930,959

10. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

	Nota	2023 RM	2022 RM
Sumbangan modal pembedungan	11	416,910,149	389,023,463
Kos pembiayaan projek	12	(93,959,603)	(105,958,893)
Pulangan sumbangan	13	(27,134,420)	(14,422,249)
Keuntungan simpanan tetap dan repo	14	136,491,148	76,429,985
Pendapatan lain		-	1,100
		432,307,274	345,073,406

11. SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Butiran kutipan sumbangan modal pembetulan mengikut negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Kutipan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri	Mengikut Kategori (RM)				2023 RM	2022 RM
	Naik taraf	Sumbangan	Tangki Septik Individu	Kemudahan Cemar Enap dan Lain-lain		
1. PERAK	458,825	2,920,269	680,364	115,305	4,174,763	3,806,953
2. SELANGOR	4,146,814	76,978,869	1,655,785	1,459,055	84,240,523	125,287,167
3. PAHANG	283,491	490,074	1,709,880	32,610	2,516,055	3,068,240
4. KELANTAN	-	-	915,760	8,065	923,825	1,024,885
5. JOHOR	-	13,000,325	901,117	307,180	14,208,622	6,575,722
6. KEDAH	-	4,763,670	643,260	142,585	5,549,515	4,193,937
7. W.P. LABUAN	-	52,700	18,000	1,800	72,500	185,251
8. MELAKA	-	8,391,291	159,120	46,730	8,597,141	10,033,652
9. NEGERI SEMBILAN	6,322	14,900,145	136,320	25,060	15,067,847	3,699,432
10. PULAU PINANG	326,684	31,962,089	197,160	128,875	32,614,808	47,900,783
11. PERLIS	-	235,350	109,800	2,575	347,725	302,411
12. TERENGGANU	-	4,000	1,943,880	18,205	1,966,085	1,576,990
13. W.P. KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	2,562,220	243,559,435	48,840	460,245	246,630,740	181,168,040
	7,784,356	397,258,217	9,119,286	2,748,290	416,910,149	389,023,463

12. KOS PEMBIAYAAN PROJEK

Butiran kos pembiayaan projek mengikut negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	2023 RM	2022 RM
Kos projek - Selangor	19,000,564	25,219,865
Kos projek - Perak	4,138,391	758,370
Kos projek - Pahang	239,424	423,461
Kos projek - Negeri Sembilan	5,685,063	2,202,927
Kos projek - Johor	9,081,605	-
Kos projek - Kedah	3,205,666	909,620
Kos projek - Kelantan	2,058,631	375,736
Kos projek - Terengganu	1,911,243	664,212
Kos projek - Labuan	283,818	129,631

12. KOS PEMBIAYAAN PROJEK (Sumbungan)

	2023 RM	2022 RM
Kos projek – Pulau Pinang	803,884	-
Kos projek - Wilayah Persekutuan	47,551,314	75,275,071
	93,959,603	105,958,893

Kos projek di setiap negeri perlu dikenalpasti, dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (JKWSMP) sebelum arahan pembayaran dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal KWSMP.

Secara teknikalnya, KWSMP hanya membiayai perbelanjaan projek terhadap kepada nilai kos projek yang telah diluluskan oleh JKWSMP dan pihak KWSMP adalah bebas dari sebarang komitmen dan tanggungjawab modal bagi projek-projek berkenaan kerana ianya bukan aset KWSMP.

KWSMP hanya sebuah kumpulan amanah yang bertanggungjawab atas arahan pihak ketiga bagi membiayai perbelanjaan memajukan projek-projek yang telah ditetapkan.

13. PULANGAN SUMBANGAN

Butiran pulangan sumbangan modal pembetulan mengikut negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Pulangan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri	Mengikut Kategori (RM)				2023 RM	2022 RM
	Naik taraf	Sumbungan	Tangkai Septik Individu	Kemudahan Cemar Enap dan Lain-lain		
1. PERAK	-	91,566	-	-	91,566	896,852
2. SELANGOR	-	13,892,118	3,600	4,900	13,900,618	2,299,747
3. PAHANG	-	1,343,202	-	-	1,343,202	446,856
4. JOHOR	-	-	-	125,000	125,000	8,257,308
5. MELAKA	-	1,248,682	-	-	1,248,682	-
6. NEGERI SEMBILAN	-	-	15,600	-	15,600	-
7. PULAU PINANG	310,202	-	-	-	310,202	66,000
8. TERENGGANU	-	-	-	-	-	3,240
9. W.P. KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	582,588	9,516,962	-	-	10,099,550	2,452,246
	892,790	26,092,530	19,200	129,900	27,134,420	14,422,249

14. KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP DAN REPO

Keuntungan Simpanan Tetap dan Repo adalah keuntungan yang diterima daripada simpanan tetap KWSMP di beberapa Bank dan di Institusi Kewangan Berlesen.

15. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2023 RM	2022 RM
Kos perkhidmatan agen cukai dan auditan	29,642	26,997
Fi pengurusan KWSMP	17,000,000	15,000,000
Dana Pembiayaan Sistem e-KWSMP	583,412	-
	17,613,054	15,026,997

16. CUKAI DAN ZAKAT

	2023 RM	2022 RM
Tahun semasa:		
- cukai pendapatan	39,852,061	22,273,742
- cukai terlebih tahun terdahulu (pelarasan)	-	(199)
- cukai terkurang tahun terdahulu	573,033	-
Jumlah cukai tahun semasa	40,425,094	22,273,543
Zakat	3,412,279	1,910,777
	43,837,373	24,184,320

Penyesuaian di antara kenaikan cukai dan zakat dan lebih kendalian sebelum cukai dan zakat adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Lebih pendapatan sebelum cukai dan zakat	414,627,297	329,974,815
Cukai dikira pada kadar cukai 30% (2022: 30%) yang ditetapkan bagi Pertubuhan di Malaysia (RM2,000,000 pertama, adalah RM528,400)	528,400	517,650
	123,788,189	98,392,444

16. CUKAI DAN ZAKAT (Sambungan)

	2023 RM	2022 RM
Kesan cukai ke atas:		
- Perbelanjaan tidak dibenarkan	33,041,224	35,743,813
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(116,932,719)	(112,380,364)
- Zakat	3,412,279	1,910,777
	43,837,373	24,184,320


Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mendapat pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2009. Pendapatan yang diberikan pengecualian adalah pendapatan yang diterima atau jumlah wang disumbang oleh mana-mana pemaju (pembetungan) bagi kegunaan tertentu. Dalam pengiraan zakat perniagaan, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan telah menggunakan kaedah untung rugi berdasarkan pendapatan agregat.

17. URUS NIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN

	2023 RM	2022 RM
Belanja fi pengurusan SPAN (termasuk SST)	17,000,000	15,000,000

Tiada perbelanjaan telah diiktiraf dalam tempoh kewangan semasa untuk hutang lapuk atau hutang ragu berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh pihak berkaitan.


ANALISA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP) TAHUN 2023



PENDAPATAN

Secara keseluruhan, prestasi kewangan KWSMP bagi tahun 2023 adalah baik. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, KWSMP mencatatkan lebih selepas cukai dan zakat sebanyak RM370.7 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM65 juta atau 21% berbanding tahun 2022, iaitu RM305.7 juta.

Bagi tahun 2023, pendapatan KWSMP adalah sebanyak RM432 juta, peningkatan sebanyak 25% atau RM87 juta berbanding pendapatan tahun 2022 iaitu sebanyak RM345 juta. Kutipan Sumbangan Modal Pembetulan bagi tahun 2023 adalah RM 416.9 juta, meningkat RM27 juta berbanding kutipan pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM 389 juta. Pendapatan pelaburan juga terus mencatatkan peningkatan sebanyak RM60 juta disebabkan perubahan strategi pelaburan di samping kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR). Kadar keuntungan bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 4.00% hingga 4.30% setahun berbanding rekod tahun 2022 iaitu 3.20% sehingga 3.65%.



ASET BERSIH

Bagi tahun kewangan berakhir 2023, aset bersih KWSMP RM3,582 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM371 juta berbanding tahun 2022 iaitu RM3,211 juta. Kenaikan 11% adalah hasil dari lebih bersih bagi tahun 2023.



www.span.gov.my



#jomjimatair

#jimatjanganbazir

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Aras Bawah & Aras Satu,

Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6,

63000 Cyberjaya, Selangor

Tel : 03 8317 9333 / 334 / 335 Faks : 03 8317 9339 / 9336



facebook.com/span.my



[Instagram : span_malaysia](https://www.instagram.com/span_malaysia)



twitter.com/span_malaysia